

# POTENSI PEMBANGUNAN AKTIVITI PELANCONGAN MELALUI PENGINAPAN INAP DESA BERASASKAN KOMUNITI DI KAMPUNG PULAU GAYA, KOTA KINABALU SABAH

***POTENTIAL OF THE DEVELOPMENT OF TOURISM ACTIVITIES THROUGH  
COMMUNITY-BASED RURAL STAYING IN KAMPUNG PULAU GAYA, KOTA KINABALU  
SABAH***

Rahimin Abdurahman<sup>1</sup>, Rosazman Hussin<sup>2</sup>, Dayang Siti Noorafidah Datu Nordin<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Malaysia Sabah

[rahiminabdurahman@gmail.com](mailto:rahiminabdurahman@gmail.com)

<sup>2</sup>Borneo Institute for Indigenous Studies (BorIIS)

Universiti Malaysia Sabah

[azzs@ums.edu.my](mailto:azzs@ums.edu.my)

<sup>3</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Malaysia Sabah

[dayangsitinoorafidah279@gmail.com](mailto:dayangsitinoorafidah279@gmail.com)

Corresponding Author (s): Rosazman Hussin (email: [azzs@ums.edu.my](mailto:azzs@ums.edu.my))

Tarikh Diserah: 03 Oktober 2023

Tarikh Diterima: 02 November 2023

## ABSTRACT

*Inap Desa, better known as homestay, is one of Malaysia's tourism products. The Homestay program is not only important in the country's economic development but also contributes to improving the socio-economic development of the Malaysian community and can preserve the environment. Accordingly, the development of the Homestay is also often associated with its established implementation and practice issues. To achieve sustainable tourism goals, the development and implementation practices of the rural homes program should also be sustainable, which is a development that can meet current needs without neglecting the needs of future generations. This study has used data collection methods through in-depth interviews and face-to-face interview surveys. The study results found that villagers agreed to develop tourism through the accommodation of the Homestay and the residents of Kampung Pulau Gaya were also willing to work together to develop the Homestay. This is in line with Kota Kinabalu City Hall's (DBKK) plan to develop the Village Inap desa product in the village of Gaya Gaya. However, some challenges or problems need to be faced by community members who wish to engage in the development of this Homestay such as financial problems that are the main constraints of the villagers who have average income of RM1000 to RM2000. Hence, the results of this study are expected to help provide detailed disclosure to various parties related to the potential of nature tourism activities through community-based homestay in Kampung Pulau Gaya.*

**Keywords:** Homestay, Community, and Community Involvement.

## ABSTRAK

Inap desa atau lebih dikenali sebagai homestay merupakan salah satu daripada produk pelancongan desa yang terdapat di Malaysia. Program Inap desa ini bukan sahaja penting dalam pembangunan ekonomi negara malah juga dapat menyumbang dalam meningkatkan pembangunan sosioekonomi masyarakat Malaysia serta dapat menjaga kelestarian alam sekitar. Sehubungan dengan itu, pembangunan Inap desa juga sering dikaitkan dengan isu pelaksanaan dan amalannya yang mapan. Bagi mencapai matlamat pelancongan yang mapan, maka pembangunan dan amalan perlaksanaan program Inap desa perlu juga harus mapan iaitu pembangunan yang dapat memenuhi keperluan semasa tanpa mengabaikan keperluan generasi akan datang. Kajian ini telah menggunakan kaedah kutipan data melalui kaedah temu bual mendalam dan survei temu bual bersemuka dengan borang soal selidik. Hasil kajian ini mendapati bahawa penduduk kampung bersetuju untuk membangunkan pelancongan melalui penginapan Inap desa dan penduduk di Kampung Pulau Gaya juga bersedia untuk saling bekerjasama dalam membangunkan Inap desa ini. Malahan perkara ini juga bertepatan dengan perancangan pihak Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) untuk membangunkan produk pelancongan Inap Desa di perkampungan Pulau Gaya. Walaubagaimanapun, wujud cabaran atau masalah yang perlu dihadapi oleh ahli komuniti yang ingin terlibat dalam pembangunan Inap desa ini seperti masalah kewangan yang menjadi kekangan utama penduduk kampung yang rata-ratanya mempunyai pendapatan dalam RM1000 ke RM2000. Oleh itu, hasil kajian ini diharapkan dapat membantu memberikan pendedahan yang terperinci kepada pelbagai pihak berkaitan dengan potensi aktiviti pelancongan alam semulajadi melalui inap desa berdasarkan komuniti di Kampung Pulau Gaya.

Kata Kunci: Inap desa, Penglibatan Komuniti, Komuniti.

### **Pengenalan**

Dalam era globalisasi kini, banyak negara sedang berlumba-lumba memajukan industri pelancongan untuk tukaran wang asing yang lumayan. Malahan banyak juga negara yang menggalakkan pergerakan pelancongan dalam negara untuk menjana pertumbuhan ekonomi di sekitar destinasi pelancongan yang melibatkan penduduk tempatan. Menurut Habibah Ahmad et. al. (2013) menyatakan bahawa pelancongan merupakan sektor yang semakin berkembang pesat di Malaysia kerana banyak menyumbang kepada pendapatan dan pertumbuhan pesat ekonomi negara. Hal ini kerana saban tahun sektor pelancongan negara mengalami pertambahan jumlah pelancong. Justeru itu, kerajaan telah membangunkan pelbagai produk pelancongan baru di seluruh negara dari semasa ke semasa bagi menarik minat pelancong untuk melakukan kunjungan. Menurut Ceballos-Lascurain (1996), eko-pelancongan adalah pelancongan berdasarkan alam semula jadi dan kebudayaan. Ekopelancongan merupakan lawatan perjalanan yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar untuk dinikmati dan disedari sifat-sifat semulajadinya termasuklah kebudayaan, menggalakkan pemuliharaan alam sekitar, meninggalkan kesan negatif yang rendah dan penglibatan masyarakat tempatan didalam sosioekonomi yang positif (Scheyvenes, 1999). Aktiviti ekopelancongan boleh mendatangkan keuntungan dari segi ekonomi, sosiobudaya dan alam sekitar sekiranya dilaksanakan dengan cara yang betul. Disamping itu pelaksanaan aktiviti ekopelancongan melibatkan banyak pihak bagi, memastikan ianya berjalan dengan lancar seperti penglibatan pihak kerajaan, pihak swasta dan komuniti setempat. Jabil Mapjabil et. al. (2011) menyatakan bahawa program homestay merupakan salah satu strategi pelancongan yang dijalankan dikawasan luar bandar. Program homestay adalah melibatkan pelancong menginap, menjamu selera dan dihiburkan dengan acara tradisional dan aktiviti bersama penduduk komuniti kampung yang terlibat.

Melalui program ini, pelancong dapat berinteraksi secara terus dengan keluarga yang menjadi tuan rumah (hos) mereka. Keunikan kawasan pinggir pantai negara dengan tarikan pantai yang indah, terumbu karang, pulau dan sinaran matahari sepanjang tahun telah menjadi sebagai salah satu daripada kawasan yang mempunyai kemampuan untuk memenuhi permintaan untuk tujuan pembangunan pelancongan, rekreasi dan peranginan. Pulau Gaya adalah pulau yang hampir dengan pusat bandar Kota Kinabalu dan mempunyai kepelbagaian budaya yang dihuni oleh etnik Bajau Ubian, Sama Bajau dan Suluk. Pulau Gaya mempunyai banyak tarikan alam semulajadi dan merupakan termasuk salah satu pulau yang telah diwartakan sebagai Taman Tunku Abdul Rahman selain Pulau Sapi, Pulau Mamutik, dan Pulau Manukan.

## Sorotan Literatur

Hasil kajian Velan Kunjuraman (2013), yang bertajuk “Kepuasan Pelancong Domestik Terhadap Program Homestay di Kg. Mesilou, Kundasang Sabah” mendapati Kg. Mesilou mempunyai potensi untuk berkembang serta boleh menjadi salah satu aktiviti industri pelancongan yang terkenal di Sabah pada masa akan datang. Hal ini disebabkan oleh keindahan alam sekitar termasuklah pemandangan kawasan tanah tinggi, tumbuh-tumbuhan yang menarik, penanaman sayur-sayuran dan suhu yang relatif rendah lagi nyaman, dan produk pelancongan budaya dalam bentuk kesenian dan amalan kehidupan masyarakat Dusun yang begitu unik dijangka dapat memajukan program Homestay yang mampan di kampung tersebut. Program Homestay di Kg. Mesilou juga merupakan contoh yang baik kerana pelancong yang berkunjung berpeluang menimba pengalaman baru apabila mereka berasa di kawasan tersebut, tinggal bersama keluarga serta mempelajari budaya yang diwarisi oleh tuan rumah seperti cara berpakaian, masakan tempatan, tarian tradisional, dan lain-lain.

Dalam kajian oleh Dr Yahaya Ibrahim, (2008) menyatakan komuniti Melayu Pulau Tioman merupakan sebuah komuniti kecil yang begitu aktif dengan aktiviti ekonomi berkaitan sektor pelancongan. Komuniti Melayu ini merupakan sebuah komuniti yang gigih dan terawal membuka minda untuk membangunkan sektor ini setelah melihat prospek yang baik daripada sambutan dan kedatangan pelancong terutama dari luar negara. Mereka bermula tanpa sebarang bantuan, tunjuk ajar, mahupun kursus. Namun komuniti ini telah membuktikan pada hari ini bahawa mereka lahir pencetus kepada pembangunan sektor pelancongan di Pulau Tioman. Fakta yang paling membanggakan ialah 85 peratus daripada bilangan pusat pelancongan yang dibangunkan adalah milik komuniti tempatan walaupun bertaraf sederhana.

Rosazman Hussin dan Velan Kunjuraman (2014) telah mendapati bahawa sektor pelancongan mempunyai kaitan dengan ketibaan pelancong sama ada pelancong domestik atau pelancong antarabangsa. Ketibaan para pelancong tersebut penting bagi menambah pendapatan sekaligus meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Konsep pelancongan berdasarkan komuniti (CBT) ialah satu agenda baru dalam kajian pelancongan. Penglibatan komuniti setempat, terutamanya sebagai pengusaha yang menyediakan tempat penginapan kepada pelancong banyak memberi sumbangan kepada pembangunan pelancongan di kawasan petempatan komuniti. Pelancongan berdasarkan komuniti menekankan penglibatan komuniti secara langsung dalam pelbagai projek pembangunan pelancongan yang boleh memperkasakan ekonomi, sosial dan politik mereka.

Jabil Mapjabil et. al. (2011) menyatakan bahawa Konsep homestay yang diperkenalkan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia adalah tidak sama dengan konsep homestay di luar negara. Di Malaysia, program homestay dikenali sebagai penginapan tinggal bersama dengan keluarga angkat dan menjalani aktiviti bersama keluarga angkat tersebut sambil terlibat dalam

aktiviti tradisional dan aktiviti bersama penduduk kampung. Program homestay merupakan aktiviti pelancongan yang berasaskan kepada komuniti yang mana para pelancong dapat merasai pengalaman alam semulajadi dan merasai kehidupan penduduk tempatan di desa. Program homestay bukan sahaja melibatkan pengusaha dan penduduk dalam program tersebut tetapi berkait dengan budaya, cara hidup masyarakat setempat dan mempromosikan kawasan tarikan yang berdekatan homestay tersebut.

Mohd Jirey Kumalah et.al. (2015) dalam kajian mereka jalankan mendapati bahawa pelancongan yang berasaskan kepada komuniti adalah pelancongan yang bertujuan mencapai pembangunan lestari agar komuniti luar bandar dapat meningkatkan taraf hidup mereka dan merasai pembangunan pelancongan tanpa mengganggu kelestarian alam sekitar. Pelancongan berasaskan komuniti adalah bertujuan untuk mencapai pembangunan lestari agar komuniti luar bandar dapat meningkatkan taraf hidup mereka disamping alam sekitar dapat dijaga. Komuniti luar bandar akan memperoleh peluang untuk meningkatkan ekonomi mereka melalui hasil daripada aktiviti pelancongan yang dijalankan dan berpeluang untuk menambah pengetahuan serta pengalaman bagi meningkatkan lagi tahap social mereka.

Rosazman Hussin (2016) dalam kajiannya yang bertajuk Pengkomersialan Budaya Orang Sungai Melalui Ekopelancongan: Faktor Kejayaan dan Limitasi, mendapati bahawa Pembangunan ekopelancongan sebagai ‘niche market’ di kebanyakan Negara Sedang Membangun (NSM) yang sering mempromosikan keunikan budaya dan identiti sesebuah komuniti dan etnik sebagai produk pelancongan. Ciri-ciri pembangunan ekopelancongan yang mapan memerlukan penglibatan aktif komuniti setempat dalam aktiviti-aktiviti pelancongan yang dijalankan tersebut. Hal ini kerana komuniti setempatlah mempunyai pengetahuan dan memahami fungsi sesebuah landskap, hidupan liar dan hutan kerana kehidupan harian mereka terdedah kepada elemen tersebut.

Seterusnya, kajian Candra Fandi (2014) yang bertajuk “*Analysis of Sustainable Tourism Livelihoods In Batu (East Java, Indonesia)*” mendapati bahawa pelancongan dapat mewujudkan peluang pekerjaan baru, meningkatkan kualiti infrastruktur (jalan raya, air, elektrik dan pengangkutan awam), meningkatkan fenomena sosial di kalangan penduduk tempatan dan pembangunan pelancongan telah membuat masyarakat sedar bahawa mereka harus terlibat dan mengambil bahagian dalam pengurusan pelancongan untuk menambah dan menjana pendapatan mereka. Hal ini kerana bagi penduduk atau komuniti setempat sebelum adanya pembangunan dalam industri pelancongan, mereka hanya bergantung dengan kerja harian mereka seperti bergantung dengan pendapatan kebun sawit atau getah mereka. Namun setelah berlakunya revolusi serta usaha kerajaan dalam membangunkan kawasan-kawasan pelancongan dengan penglibatan komuniti, maka peluang bagi komuniti tempatan untuk mengubah status ekonomi.

### ***Konsep Komuniti***

Komuniti dikelaskan berdasarkan sumber ekonomi sama ada dalam sistem feudal, sosialis dan komunis serta setiap komuniti biasanya dikelaskan mengikut agama (Rohana Yusuf, 1996). Komuniti ditakrifkan sebagai satu kelompok manusia yang mempunyai ciri-ciri bersama dalam erti kata mereka berada dalam lokaliti yang sama, saling berinteraksi dan saling menjalankan hubungan antara satu dengan yang lain, dan berkongsi kepentingan yang sama dari segi menjaga hubungan sosial sesama mereka serta berkongsi hasrat yang sama bagi kelangsungan hidup dan kesejahteraan kawasan petempatan dan anggota yang terdapat dalam komuniti tersebut (Abdul Rahman Embong, 2008). Komuniti juga boleh dirujuk sebagai satu kelompok manusia yang saling interaksi, mempunyai jalinan dan ikatan antara ahli komuniti sosial yang terbentuk antara mereka (individu, keluarga dan kelompok) dalam ruang fizikal yang sama serta membangun institusi-institusi sosial yang menunjang kehidupan harian mereka (Teuku Afrizal dan Abdul Rahman Embong, 2013).

### ***Konsep Pelancongan***

Menurut Mathieson & Wall (1982) menyatakan bahawa pelancongan adalah melibatkan pergerakan sementara sekelompok manusia. Pergerakan kelompok manusia ini adalah melibatkan pergerakan daripada satu destinasi asal kepada suatu destinasi baru di luar tempat kebiasaan dan tempat tinggal mereka dalam masa tertentu dengan tujuan tertentu. Menurut Habibah Ahmad et. al. (2013) pelancongan berasaskan persekitaran aset semula jadi dan warisan budaya berupaya menyumbang kepada pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dan budaya.

### ***Konsep Pelancong***

Mathieson & Wall (1982), mengatakan bahawa pelancong adalah manusia yang bergerak ke satu destinasi di luar tempat kerja biasa dan tempat tinggal. Cohen (1974) mendefinisikan pelancong sebagai seorang pengembara sementara dan sukarela melawat sesebuah destinasi dengan harapan akan memperoleh kepuasan dalam menikmati keindahan pemandangan yang unik ketika menempuh perjalanan yang agak jauh.

### ***Konsep Inap Desa (Homestay)***

Amran Hamzah (2010), di Malaysia definisi rasmi bagi inap desa mengikut Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (MOCAT, 1995) ialah pelancong tinggal bersama dengan keluarga tuan rumah dan mempelajari gaya hidup serta budaya mereka samada secara langsung atau tidak langsung. Othman (2010) pula mendefinisikan konsep homestay adalah sebuah kawasan perkampungan yang terpencil atau jauh daripada pusat bandar yang dijadikan sebagai tempat atau pusat tumpuan pelancongan disebabkan ciri-ciri menarik seperti suasana yang damai dan mempunyai keistimewaan yang tersendiri.

### **Konsep Penglibatan Komuniti**

Menurut Azhar Abdul Gani et. al. (2013) menyatakan konsep penglibatan komuniti merupakan suatu pendekatan yang dapat digunakan untuk membantu pelancongan dan pembangunan tempatan di kawasan luar bandar. Rosazman Hussin dan Velan Kunjuraman (2014) menyatakan salah satu bentuk penglibatan komuniti setempat yang mudah adalah melalui program homestay, iaitu satu aktiviti pelancongan yang sememangnya berasaskan kepada penglibatan komuniti (Community-based tourism) dan tanpa penglibatan komuniti setempat dalam sesebuah projek pembangunan pelancongan, projek tersebut belum boleh dianggap berjaya.

### **Metodologi Kajian**


Dalam penyelidikan ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif yang disokong oleh survey borang soal selidik. Kamarul Azmi Jasmi (2012) menjelaskan pendekatan kualitatif adalah kaedah yang mencari dan memerhati perkara bukan numerikal walaupun terdapat keterangan yang merujuk kepada statistik. Penggunaan kaedah kualitatif adalah bertujuan untuk memahami fenomena sosial yang berlaku seiring dengan potensi-potensi yang ada di Kampung Pulau Gaya untuk dibangunkan sebagai aktiviti pelancongan inap desa melalui pemerhatian dan juga temu bual. Selain itu, penyelidik juga menggunakan survey borang soal selidik bagi mengukur tahap penglibatan ahli komuniti dalam membangunkan aktiviti pelancongan secara mapan melalui inap desa dan cabaran yang bakal dihadapi oleh ahli komuniti dalam membangunkan aktiviti pelancongan melalui inap desa di Kampung Pulau Gaya.

### **Dapatan Kajian dan Perbincangan**

Seksyen dapatan kajian ini membincangkan mengenai aspek potensi pembangunan produk (aktiviti) pelancongan melalui penginapan inap desa berasaskan komuniti di Kampung Pulau Gaya, penglibatan ahli komuniti dalam membangunkan aktiviti pelancongan secara mapan melalui inap desa di Kampung Pulau Gaya dan cabaran yang dihadapi oleh ahli komuniti dalam membangunkan aktiviti pelancongan melalui inap desa di Kampung Pulau Gaya.

## **Produk (aktiviti) Pelancongan di Laut Berpotensi Untuk Dijadikan Tarikan Pelancong**

**Graf 1.1: Graf Potensi Produk (Aktiviti) Pelancongan Alam Semula Jadi melalui Aktiviti di Laut**



Sumber: Data Lapangan 2019

Berdasarkan gambar rajah graf di atas ini menunjukkan potensi produk atau aktiviti di laut yang boleh dibangunkan melalui inap desa berasaskan komuniti di Pulau Gaya, Kota Kinabalu Sabah. Terdapat pelbagai aktiviti yang dilihat berpotensi untuk dibangunkan seperti memancing ikan bersama nelayan, mencari kerang dan lokan, menyelam di sekitar kawasan terumbu karang di kawasan Pulau Gaya, memukat ikan bersama nelayan, menangkap ketam dan berenang di hujung tanjung Kampung Pulau Gaya. Kajian ini telah melibatkan seramai 50 orang responden yang terdiri daripada kalangan penduduk komuniti lelaki dan perempuan yang tinggal di kawasan Pulau Gaya, Kota Kinabalu. Selain daripada itu, graf di atas menunjukkan peratusan responden mengenai tahap kepuasan terhadap aktiviti-aktiviti di laut yang berpotensi menjadi produk yang boleh dibangunkan melalui inap desa di Pulau Gaya. Terdapat lima tahap kepuasan iaitu Sangat Tidak Setuju, Tidak Setuju, Sederhana, Setuju dan Sangat Setuju. Secara keseluruhannya responden telah memberikan bersetuju terhadap tiga aktiviti yang boleh menjadi potensi produk yang boleh dibangunkan melalui inap desa iaitu menjala ikan bersama nelayan Kampung Pulau Gaya, memukat ikan bersama nelayan Kampung Pulau Gaya dan menangkap ketam. Jumlah peratusan yang diberikan oleh responden berdasarkan gambar rajah di atas ialah yang paling tertinggi iaitu sebanyak 60% bersamaan dengan 30 orang responden yang melibatkan lelaki dan perempuan bagi aktiviti menja;an ikan bersama nelayan.


*“Kampung Pulau Gaya Pulau Gaya sesuai dijadikan kawasan pelancongan kerana Pulau Gaya adalah pulau yang paling dekat dengan Bandaraya Kota Kinabalu. Dari segi sejarah, Pulau Gaya adalah kampung yang pertama yang ada di Kota Kinabalu dan sepatutnya dibangunkan. Malah, pelancong ingin rasa kehidupan penduduk di Pulau Gaya”*

(Cik Salmah binti Batin, 22 April 2019)

*“...Seperti di perkampungan nelayan lain juga, Kampung Pulau Gaya turut menjalankan aktiviti menangkap ikan dan pelbagai hasil laut lain. Apabila aktiviti seperti ini dijadikan sebagai aktiviti untuk pelancongan tentu mendapat sambutan. Hal ini kerana para pelancong ingin merasa bagaimana kehidupan penduduk kampung. Sebagai contoh, mencari kerang atau lokan yang hanya dilakukan sewaktu air laut cetek dikawasan terumbu karang. Ini akan memberi satu bentuk pengalaman baru kepada para pelancong yang datang”*

(Puan Siti Kalsom binti Sukiman, 20 April 2019)

**Graf 1.2 Potensi Produk (Aktiviti) Pelancongan Alam Semula Jadi melalui Aktiviti Kebudayaan**




Sumber: Kajian Lapangan, 2019

Berdasarkan gambar rajah graf di atas menunjukkan potensi produk atau aktiviti kebudayaan yang boleh dibangunkan melalui inap desa berdasarkan komuniti di Pulau Gaya, Kota Kinabalu Sabah. Terdapat pelbagai aktiviti kebudayaan yang dilihat berpotensi untuk dibangunkan seperti persembahan Tarian Igal-igal, persembahan Tarian menyambut tetamu oleh masyarakat Sama Bajau, Persembahan Seni Silat dan Belajar masakan tradisi seperti ‘tupu, Tampe, dan Sagol. Bagi aktiviti kebudayaan persembahan Tarian Igal-igal dilihat mempunyai peratusan yang tertinggi sebanyak 68% bersamaan dengan 34 orang responden yang berpotensi boleh dijadikan sebagai salah satu tarikan aktiviti kebudayaan. Selain itu, sebanyak 68% bersamaan dengan 34 orang responden setuju bahawa aktiviti kebudayaan dengan mempelajari masakan tradisi adalah salah satu produk yang berpotensi untuk dibangunkan.

*“Salah satu menjadi tarikan homestay adalah pelancong ingin merasa kehidupan di kampung. Paling penting adalah masakan tradisi dan tarian tradisi adalah paling penting sebagai tarikan pelancong datang ke Pulau Gaya. Manakala aktiviti di laut adalah sebagai sampingan yang boleh ditambah dalam salah satu produk pelancongan Inap Desa ini.”*

(Cik Salmah binti Batin, 2019)

**Rajah 1.3: Graf Potensi Produk (Aktiviti) Pelancongan Alam Semula Jadi melalui Aktiviti Santai Keliling Kampung**



Sumber: Kajian Lapangan, 2019

Berdasarkan gambar rajah graf di atas ini menunjukkan potensi produk atau aktiviti santai keliling kampung yang boleh dibangunkan melalui inap desa berasaskan komuniti di Pulau Gaya, Kota Kinabalu Sabah. Terdapat pelbagai aktiviti santai keliling kampung yang dilihat berpotensi untuk dibangunkan seperti mengelilingi Kampung Pulau Gaya dengan berjalan kaki (village tracking), berbasikal mengelilingi Kampung Pulau Gaya (Village Cycling), mengelilingi Pulau Gaya untuk melihat keindahan alam sekitarnya dengan menaiki perahu (Day Boating) dan melihat matahari terbenam (Sunset Viewing). Secara keseluruhannya, aktiviti santai keliling kampung mempunyai peratusan yang paling tertinggi iaitu 80% bersamaan dengan 40 orang responden setuju bahawa aktiviti mengelilingi pulau gaya untuk melihat keindahan alam sekitar dengan menaiki perahu berpotensi untuk dibangunkan.


*“Sudah tentu melihat matahari terbenam adalah satu aktiviti yang wajib ada. Ini kerana, para pelancong suka melihat pemandangan matahari terbenam. Sebabnya saya sendiri sudah berapa kali membawa pelancong dari luar negara dan orang tempatan sini melihat pemandangan matahari terbenam di kawasan sekitar kepulauan di sekitar Pulau Gaya. Bagi saya, pemandangan yang indah ini adalah satu tarikan kepada para pelancong datang ke tempat kita sebab di tempat mereka tiada permandangan matahari tersebut”*

(Encik Dayel bin Dollah, 2019)

### Penglibatan ahli komuniti dalam membangunkan aktiviti pelancongan secara mapan melalui inap desa di Kampung Pulau Gaya

Aktiviti pelancongan merupakan suatu aktiviti yang banyak menyumbang terhadap pertumbuhan pendapatan negara. Tanpa penglibatan komuniti setempat dalam sesbuah projek pembangunan pelancongan dianggap sebagai sebuah projek yang tidak berjaya (Rosazman Hussin dan Velan Kunjuraman, 2014). Puan Siti Kalsom binti Sukiman berpendapat bahawa ahli komuniti harus menyokong dan bersatu padu dalam menjalankan segala aktiviti yang boleh memberi kebaikan kepada penduduk kampung sendiri. Pembangunan inap desa atau homestay merupakan satu aktiviti yang dapat menyumbang kepada pendapatan penduduk kampung dan mewujudkan banyak peluang pekerjaan kepada penduduk kampung sendiri. Akan tetapi, tanpa adanya kesepaduan dalam kalangan penduduk kampung maka setiap aktiviti yang ingin dijalankan pasti mendapat kepincangan dan kurang mendapat sambutan. Oleh itu, beliau menegaskan bahawa penduduk kampung harus bersatu padu dan bersama-sama dalam membangunkan aktiviti pelancongan melalui inap desa ini.

**Rajah 1.4: Graf Penglibatan Ahli Komuniti Membangunkan Aktiviti Pelancongan melalui Kemudahan**




Sumber: Kajian Lapangan, 2019

Berdasarkan gambar rajah graf di atas ini menunjukkan penglibatan ahli komuniti membangunkan aktiviti pelancongan berdasarkan inap desa di Pulau Gaya Kota Kinabalu Sabah melalui kemudahan disediakan. Secara keseluruhannya, sebanyak 86% bersamaan dengan 43 orang responden yang terdiri daripada ahli komuniti bersetuju untuk membangunkan aktiviti pelancongan inap desa di Pulau Gaya. Akan tetapi sebanyak 84% bersamaan 42 orang tidak bersetuju mempunyai persediaan modal dalam membangunkan inap desa di Kampung Pulau Gaya.

*“Kebanyakkan wanita di kampung ini adalah suri rumah dan tidak bekerja. Suami yang pergi bekerja dan mencari rezeki untuk kehidupan keluarga. Oleh itu, memang tanggungjawab isteri atau wanita ini yang buat kerja-kerja rumah seperti memasak, mengemas rumah, dan membersihkan tandas memang kerja sehari-hari mereka. Mereka sudah biasa buat kerja itu dan semestinya mahir dalam buat kerja-kerja rumah. Tiada masalah bagi mereka untuk memasak, membersihkan tandas, dan mengemas bilik”*

(Puan Siti Kalsom binti Sukiman, 2019)

**Rajah 1.5 : Graf Penglibatan Ahli Komuniti Membangunkan Aktiviti Pelancongan melalui Infrastruktur**



Sumber: Kajian Lapangan, 2019


Berdasarkan gambar rajah graf di atas ini menunjukkan penglibatan ahli komuniti membangunkan aktiviti pelancongan berasaskan inap desa di Pulau Gaya Kota Kinabalu Sabah melalui infrastruktur. Sebanyak 60% bersamaan dengan 30 orang responden bersetuju bahawa Pulau Gaya mempunyai bekalan air yang bersih untuk membangunkan aktiviti pelancongan melalui inap desa ini. Manakala dari segi aspek ahli komuniti mempunyai infrastruktur rumah yang baik untuk dijadikan homestay dan mempunyai bekalan elektrik yang mencukupi adalah sebanyak 52% dan 40% responden bersetuju bahawa ketersediaan infrastruktur ini membolehkan ahli komuniti terlibat dalam membangunkan aktiviti pelancongan.

*“Dulu kampung ini tidak mempunyai kemudahan seperti elektrik dan air. Waktu saya masih tinggal disini sebelum saya bertugas ke tempat yang lain, Kampung Pulau Gaya memang tidak mempunyai kemudahan elektrik dan air. Bila saya balik ke sini, saya sendiri terkejut yang elektrik dan air sudah ada. Ini adalah satu bentuk keselesaan kepada orang kampung dalam kegunaan harian dan mungkin untuk kegunaan homestay bagi orang kampung yang ingin membinanya”*

(Encik Asnawi bin Mansur, 2019)

### ***Cabaran yang dihadapi oleh ahli komuniti dalam membangunkan aktiviti pelancongan melalui inap desa di Kampung Pulau Gaya.***

Menurut Encik Amil Hashim bin Haji Amar yang merupakan Ketua Kampung Pulau Gaya menyatakan bahawa untuk membangunkan aktiviti pelancongan melalui inap desa di Kampung Pulau Gaya mempunyai banyak cabaran. Cabaran-cabaran tersebut akan menjadi penghalang kepada penduduk kampung yang ingin bersama dalam membangunkan inap desa di kampung ini. Cabaran utama dalam membangunkan aktiviti pelancongan ini adalah cabaran dari kewangan. Hal ini kerana, untuk menubuhkan sebuah Inap desa atau homestay memerlukan sejumlah wang yang banyak. Penduduk kampung yang kebanyakkannya tidak mempunyai pendapatan yang tinggi akan menghadapi masalah tersebut.


**Rajah 1.6: Graf Cabaran yang dihadapi oleh Ahli Komuniti berkenaan Aset dan Modal**

Sumber; Kajian Lapangan, 2019

Berdasarkan gambar rajah graf di atas ini menunjukkan cabaran yang dihadapi oleh ahli komuniti dalam membangunkan aktiviti pelancongan berasaskan inap desa di Pulau Gaya Kota Kinabalu Sabah berkenaan aset dan modal. Secara keseluruhannya dapat dilihat dalam graf di atas ialah ahli komuniti bersetuju bahawa mereka menghadapi cabaran terhadap kelima-lima aspek aset dan modal untuk membangunkan aktiviti pelancongan melalui inap desa. Ini kerana sebanyak 84% bersamaan dengan 42 orang responden yang setuju bahawa kewangan adalah salah satu cabaran utama dalam membangunkan aktiviti pelancongan dan peratusan ini adalah yang paling tinggi berbanding aspek cabaran yang lain sekaligus membuktikan bahawa ahli komuniti di Kampung Pulau Gaya mempunyai cabaran dari segi kewangan.


*“Memang kewangan adalah masalah utama penduduk kampung apabila ingin turut serta dalam pembangunan inap desa ini. Ini kerana, kita sedia maklum penduduk kampung kebanyakannya adalah bukan dari keluarga yang senang”*

(Encik Esmadol bin Jimbang, 2019)

**Rajah 1.7: Graf Cabaran yang dihadapi oleh Ahli Komuniti berkenaan Networking dan Promosi**

Sumber: Kajian Lapangan, 2019


Berdasarkan gambar rajah graf di atas ini menunjukkan cabaran yang dihadapi oleh ahli komuniti dalam membangunkan aktiviti pelancongan berasaskan inap desa di Pulau Gaya Kota Kinabalu Sabah berkenaan networking dan promosi. Secara keseluruhannya, cabaran yang paling tinggi bagi ahli komuniti ialah dari aspek digital networking dengan mewujudkan promosi melalui internet. Sebanyak 80% bersamaan dengan 40 orang responden yang sangat setuju bahawa digital networking adalah salah satu cabaran yang terbesar bagi ahli komuniti di Pulau Gaya untuk membangunkan aktiviti pelancongan.

**Rajah 1.8: Graf Cabaran yang dihadapi oleh Ahli Komuniti berkenaan Kerjasama dan Sokongan antara Ahli Komuniti**

Sumber: Kajian Lapangan, 2019

Berdasarkan gambar rajah graf di atas ini menunjukkan cabaran yang dihadapi oleh ahli komuniti dalam membangunkan aktiviti pelancongan berasaskan inap desa di Pulau Gaya Kota Kinabalu Sabah berkenaan kerjasama dan sokongan dalam kalangan ahli komuniti. Terdapat beberapa aspek cabaran iaitu cabaran dari segi kerjasama penduduk kampung, gotong-royong dalam kalangan penduduk kampung, memantu dalam projek pelancongan dan membantu ketika diadakan kenduri-kendara (kenduri kahwin). Berdasarkan graf di atas, sebanyak 48% bersamaan dengan 24 orang responden sangat setuju bahawa penduduk kampung ini suka bekerjasama dan bukan menjadi cabaran utama dalam membangunkan aktiviti pelancongan inap desa. Akan tetapi, sebanyak 56% bersamaan dengan 28 orang responden tidak setuju bahawa penduduk suka membantu dalam pelancongan mampu memberi cabaran dalam proses membangunkan aktiviti inap desa di Kampung Pulau Gaya.

**Rajah 1.9 : Graf Cabaran yang dihadapi oleh Ahli Komuniti Berkenaan Konservasi Alam Sekitar**




Sumber: Kajian Lapangan, 2019

Berdasarkan gambar rajah graf di atas ini menunjukkan cabaran yang dihadapi oleh ahli komuniti dalam membangunkan aktiviti pelancongan berasaskan inap desa di Pulau Gaya Kota Kinabalu Sabah berkenaan konservasi alam sekitar. Secara keseluruhannya, penggunaan bom ikan dalam kalangan nelayan dan laluan bot diganggu oleh kapal besar adalah menjadi cabaran utama dalam kalangan ahli komuniti di Pulau Gaya bagi menjaga alam sekitar. Sebanyak 64% bersamaan dengan 32 orang yang bersetuju bahawa kedua aspek ini menjadi cabaran dalam aspek konservasi alam sekitar kepada ahli komuniti dalam membangunkan aktiviti pelancongan berasaskan inap desa.

*“Laluan bot di kawasan Kampung Pulau Gaya sehingga ke jeti di Jeselton Point merupakan laluan kapal-kapal besar seperti feri dan kapal nelayan tempatan. Hal ini akan menjadi masalah pada waktu malam boleh berlakunya pertembungan bot penumpang boleh berlaku. Ini kerana, kes pertembungan bot penumpang pernah berlaku sebelum ini.”*

(Cikgu Ugi Sindan, 2019)

**Rajah 1.10: Graf Cabaran yang dihadapi oleh Ahli Komuniti Berkenaan Keselamatan**

Sumber: Kajian Lapangan, 2019

Berdasarkan graf di atas menunjukkan cabaran yang dihadapi oleh ahli komuniti dalam membangunkan aktiviti pelancongan berasaskan inap desa di Pulau Gaya Kota Kinabalu Sabah dari segi aspek keselamatan. Terdapat beberapa cabaran dalam aspek keselamatan dan kes dadah dalam kalangan masyarakat kampung merupakan aspek paling tinggi dengan peratus setuju adalah 64 peratus bersamaan dengan 32 orang responden. Hal ini menunjukkan wujudnya kes dadah dalam kalangan penduduk kampung mampu memberi cabaran kepada ahli komuniti dalam membangunkan aktiviti pelancongan.

*“Sejak adanya Balai Polis Esscom di Pulau Gaya ini, penduduk kampung mula rasa selamat dan tidak berasa takut dengan kes jenayah seperti kes curi. Biarpun kes mencuri masih berlaku, tapi semakin berkurangan dari sebelumnya. Ini kerana anggota polis selalu berkeliaran di dalam kampung untuk memantau keadaan kampung”*

(Encik Abdul Halim bin Haji Yusup, 2019)

### Penilaian Penemuan Kajian Berasaskan Analisis SWOT

Menurut Mohamad Zaki Ahmad et. al. (2011) menyatakan Analisis SWOT (Strengths, Weaknesses, Opportunities and Threats) adalah satu model asas yang menyediakan petunjuk dan berfungsi sebagai asas untuk pembangunan pelan pembangunan dan pemasaran. Analisis ini juga merupakan langkah penting dalam perancangan walaupun nilainya kadangkala dipandang rendah oleh pihak-pihak tertentu. Peranan Analisis SWOT adalah untuk mengambil maklumat daripada analisis persekitaran dan kemudiannya membahagikan maklumat ini kepada isu-isu. Setelah langkah dan proses ini selesai dilakukan, Analisis SWOT akan menentukan sama ada maklumat ini menunjukkan sesuatu yang akan membantu organisasi atau komuniti dalam mencapai objektif yang telah ditetapkan terlebih dahulu dalam konteks

kekuatan atau peluang. Maklumat tersebut juga boleh menunjukkan kekangan atau rintangan yang perlu diatasi atau diminimumkan untuk mencapai keputusan yang dikehendaki iaitu kelemahan atau ancaman. Berdasarkan kepada hasil borang soal selidik yang telah dijalankan, analisis SWOT telah diaplิกasikan bagi mendapatkan gambaran keseluruhan potensi aktiviti pelancongan alam semulajadi melalui inap desa berdasarkan komuniti di Kampung Pulau Gaya seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.

**Jadual 1: Analisis SWOT (Kekuatan, Kelemahan, Peluang dan Ancaman) potensi pelancongan potensi aktiviti pelancongan alam semulajadi melalui inap desa berdasarkan komuniti di Kampung Pulau Gaya**

Analisis SWOT	Huraian
Kekuatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kampung Pulau Gaya mempunyai tarikan semulajadi dan warisan budaya seperti tarian tradisional Igal-Igal dan makanan tradisional seperti Tompe dan Sagol.</li> <li>• Penubuhan Inap desa di Kampung Pulau Gaya dapat menjana peluang pekerjaan kepada penduduk kampung.</li> <li>• Kerjasama dan kesepadan sosial penduduk kampung yang kuat memdaikan penubuhan Inap desa di Kampung Pulau Gaya.</li> <li>• Penubuhan Inap desa mampu mengurangkan kemiskinan dengan peluang-peluang pekerjaan yang wujud dengan adanya Inap desa di kampung ini.</li> <li>• Memberi peluang pekerjaan kepada wanita dan golongan belia untuk terlibat sama dalam pembangunan Inap desa ini.</li> <li>• Mengurangkan masalah sosial remaja dalam Masyarakat.</li> <li>• Melahirkan usahawan Inap desa atau Homestay dalam kalangan masyarakat Kampung Pulau Gaya.</li> </ul>
Kelemahan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemudahan infrastruktur yang kurang lengkap di Kampung Pulau Gaya seperti jambatan dan jeti bot penumpang yang tidak selamat digunakan.</li> <li>• Kurangnya pendedahan tentang pelancongan Inap desa dalam kalangan komuniti setempat di Kampung Pulau Gaya.</li> <li>• Kekurangan modal menyebabkan penubuhan Inap desa di Kampung Pulau Gaya tidak dapat dijalankan.</li> <li>• Pencemaran alam sekitar seperti sampah sarap menyukarkan pelancongan dapat diwujudkan di Kampung Pulau Gaya.</li> <li>• Pemilikan tanah bukan milik persendirian dalam kalangan komuniti Kampung Pulau Gaya menyukarkan penubuhan Inap desa ini.</li> <li>• Kurang jaringan dengan pihak DBKK dan promosi melalui Digital networking menjadi cabaran kepada penduduk kampung yang ingin menubuhkan pelancongan semulajadi melalui Inap desa.</li> </ul>
Peluang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penubuhan Inap desa mampu menaik taraf infrastruktur dan kemudahan awam yang sedia ada.</li> <li>• Penubuhan Inap desa dapat membuka peluang keusahawanan dalam kalangan penduduk Kampung Pulau Gaya.</li> <li>• Pendapatan sampingan dapat diperolehi melalui Inap desa yang bakal ditubuhkan.</li> <li>• Dapat memperkenalkan budaya dan cara hidup komuniti Kampung Pulau Gaya kepada para pelancong yang datang.</li> <li>• Usaha pemeliharaan dan pemuliharaan sumberjaya alam sekitar dan warisan budaya daa dialankan seiring dengan pembangunan pelancongan berdasarkan Inap desa di Kampung Pulau Gaya.</li> </ul>
Ancaman	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Budaya luar yang dibawa oleh para pelancong menyebabkan kejutan budaya kepada masyarakat kampung berlaku.</li> <li>• Eksloitasi oleh pihak-pihak luar yang mengambil kentngan dalam pembangunan pelancongan berdasarkan Inap desa ini.</li> </ul>

Sumber: Mohamad Zaki Ahmad et. al. (2011)

## Kesimpulan

Secara kesimpulannya kelebihan yang ada di Pulau Gaya khususnya di Kampung Pulau Gaya seperti keindahan alam semulajadinya dan kepelbagaian budaya Masyarakat mmenetap disana harus ditonjolkan dan dikomersialkan sebagai produk pelancongan yang boleh melibatkan komuniti di kampung ini melalui Inap desa. Banyak produk (aktiviti) pelancongan yang boleh dibangunkan melalui inap desa berasaskan komuniti di Kampung Pulau Gaya. Berbekalkan dengan kesepadan sosial yang tinggi dalam kalangan komuniti kampung dan produk-produk pelancongan yang sedia ada di kampung ini dapat merilisasikan pembangunan pelancongan alam semulajadi melalui Inap desa.

## Rujukan

### *Artikel Jurnal*

- Abdul Rahman Embong. 2008. *Cross-border communities: Implications for bilateral relations and the ASEAN community*. In *Community in ASEAN: Ideas and Practices*, eds. S. Y. Tham, P. P. Lee and Norani Othman, 118–135. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amran Hamzah. 2010. *Malaysia Homestay From The of Young Japanese Tourist: The Quest Furusato*. CIPD Monograf 2. Universiti Teknologi Malaysia: Skudai.
- Candra Fandi Ananda. 2014. *Analysis of Sustainable Tourism Livelihoods in Batu (East Java, Indonesia): SLFT Approach (Sustainable Livelihood Framework for Tourism)*. Journal of Economics and Sustainable Development ISSN 2222-1700.
- Ceballos-Lascurain H. 1996. *Tourism, ecotourism and protected areas* Gland, IUCN, Switzerland.
- Cohen, E. (1978). *The impact of the physical environment*. *Annals of Tourism Research*, 5 (2), pp. 215 – 237.
- Habibah Ahmad, Hamzah Jusoh, Mushrifah Idris, Amriah Buang, Nur Amirah Kamarus Zaman, Sri Winarni Samsir, dan Ahmad Nazrin Aris Anuar. 2013. *Pemerkasaan asset semula jadi untuk kelestarian pelancongan di Negeri Pahang*. GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space 9 issue 3 (80 - 94).
- Jabil Mapjabil, Siti Asma' Mohd Rosdi, Munir Shuib, Sharmini Abdullah. 2011. *Pembangunan program homestay di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia: Profil, produk dan prospek*. GEOGRAFIA OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space 7 issue 2 (45 - 54).
- Mathieson, A. Wall, G. 1982. *Tourism: Economic, Physical and Social Impact*. London: Longman Group.
- Mohd Jirey Kumalah, Gusni Saat, Jabil Mapjabil, Rosazman Hussin, Teuku Afrizal dan Mustapa Abu Talip. 2015. *Kearifan tempatan dan potensinya sebagai tarikan pelancongan berasaskan komuniti: Kajian kes komuniti Bajau Ubian di Pulau*

Mantanani, Sabah. GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space  
11 issue 12 (112 - 128)

Othman, L. K. 2010. *Pertumbuhan dan Pelestarian Industri Eko-Pelancongan: Kajian Pulau-pulau Peranginan Sekitar Pantai Timur Sabah, Malaysia*. Sosiohumanika, 3(2), 273-294.

Rohana Yusof. 1996. *Asas Sains Sosial Dari Perspektif Sosiologi*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rosazman Hussin. 2016. *Pengkomersialan Budaya Orang Sungai Melalui Ekopelancongan: Faktor Kejayaan Dan Limitasi*. Jurnal Kinabalu, 18. <https://doi.org/10.51200/ejk.v18i.493>

Rosazman Hussin dan Velan Kunjuraman. 2014. *Pelancongan mapan berdasarkan komuniti (CBT) melalui program homestay di Sabah, Malaysia*. GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space 10 issue 3 (160-174).

Scheyvens R. 1999. *Case study: Ecotourism and the empowerment of local communities*. Tourism Management, 20, 245-249. DOI: 10.1016/S02615177(98)00069-

Teuku Afrizal dan Abdul Rahman Embong. 2013. *Komuniti Dan Pengurusan Persekutaran: Beberapa Pengalaman Malaysia, Bangladesh, Zambia Dan Vietnam*. Institute of Malaysian and International Studies (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi: Selangor.

Yahaya Ibrahim. 2008. *Komuniti Melayu Pulau Tioman: Isu dan Cabaran Dalam Konteks Pembangunan Pelancongan*. Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekutaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi, Selangor.

## Persidangan

Azhar Abdul Gani, Kalsom Kayat dan Siti Aznor Ahmad. 2013. Memahami Penglibatan Komuniti Dalam Pembangunan Pelancongan Lestari. Aceh Development International Conference 2013.

Jasmi, K. A. (2012). *Penyelidikan Kualitatif dalam Sains Sosial in Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 1 2012 at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012*. Organized by Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.

Kunjuraman, V. & Hussin, R. 2013. *Satisfaction of Domestic Tourists with the Homestay Programme in Mesilou Village, Kundasang, Sabah*. Paper presented at 3rd Regional Conference on Tourism Research 2013 (RCTR2013). Bayview Hotel, Langkawi, Malaysia. Oct 29-31, 2013. p. 18-27.